

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ("HPP") ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan Bil Keluar untuk Pungutan-i (OBC-i) bersama Hong Leong Islamic Bank.

Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya. Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Helaiian Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank.

Sila dapatkan penjelasan daripada Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umum.



Bil Keluar untuk Pungutan-i (OBC-i)

Oktober 2020

1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang produk ini?

Bil Keluar Untuk Pungutan-i (OBC-i) adalah perkhidmatan perdagangan yang ditawarkan oleh Bank (dipanggil Bank Pungutan) untuk menguruskan pengendalian dan penghantaran dokumen perkapalan jualan/eksport dan arahan pungutan kepada bank pemungut di negara pengimport/pembeli untuk dikemukakan kepada pembeli (pesuruh bayar) untuk membuat pembayaran. Bank menyediakan perkhidmatan perantara bagi memudahkan penjelasan perdagangan mengikut terma yang telah dipersetujui antara pelanggan dengan pembeli/pengimport. Pengendalian dokumen perkapalan oleh Bank Pungutan adalah berdasarkan arahan pelanggan untuk tujuan memperoleh bayaran atau penerimaan atau berdasarkan terma dan syarat tertentu yang lain mengikut arahan pungutan Bank tersebut. Dokumen untuk pungutan ini tertakluk kepada peraturan terbaharu Uniform Rules for Collections, International Chamber of Commerce Publication No. 522.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

OBC-i adalah berasaskan konsep Wakalah bil Ujrah. Bank akan mengenakan caj bayaran di bawah prinsip Ujrah atas servis yang diberikan oleh OBC-i di bawah konsep ini, Bank akan bertindak sebagai ejen bagi prinsipal yang merupakan penjual/pengeksporth untuk:-

- (i) Mengendalikan pemprosesan dokumen (penghantaran dokumen pengangkutan berserta dokumen komersial/kewangan kepada bank pembeli/pengimport ("Bank Pemungut");
- (ii) Mengutip bayaran bagi pihak pelanggan daripada Bank Pemungut; dan
- (iii) Menguruskan akaun pengumpulan supaya dapat menjalankan operasi harian akaun/penyelenggaraan akaun.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- a) Ia adalah satu cara bayaran yang mana penjual/pengeksporth menggunakan perkhidmatan bank untuk memperoleh bayaran daripada pembeli/pengimport. Ia membentuk satu tolak ansur antara terma "akaun terbuka" dan bayaran pendahuluan. Pihak Bank tidak menjamin pembayaran tetapi hanya menyediakan khidmat memungut bayaran seperti yang diarahkan. Bank pungutan bertindak sebagai agen untuk penjual/pengeksporth (iaitu prinsipal).
- b) Kaedah bayaran ini lebih mudah dan menjimatkan kos berbanding dengan perkhidmatan perdagangan yang lain.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- a) Semasa menerima dokumen untuk pungutan, Bank hanya bertindak sebagai agen pungutan dan tidak berkewajipan untuk memeriksa dokumen tersebut yang melebihi tahap amalan berhati-hati yang munasabah. Oleh itu, anda perlu memberikan arahan yang jelas kepada pihak Bank tentang urusan pengendalian dokumen.
- b) Anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank dengan bayaran komisen serta semua caj biasa dan caj Agen Bank, jika ada. Selain itu, anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank dengan jumlah wang yang perlu dibayar atau jumlah wang yang bertanggung oleh Bank di bawah perkhidmatan OBC-i.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen OBC-i

- 0.10% atas amaun bil, tertakluk kepada amaun minimum RM 50.00 dan maksimum RM150.00

Kos Penghantaran

- Mengikut kadar syarikat penghantaran

Bayaran Pengendalian Dokumen

- RM 50.00 pada kadar sama rata (berkenaan pada bil di bawah LC/-i sahaja)

Bayaran Pos

- RM 5.00 pada kadar sama rata.

Nota:

- Semua bayaran, komisen, caj-caj dan wang lain yang kena dibayar adalah tidak termasuk dan tertakluk kepada apa-apa Cukai Kerajaan.
- Untuk lain-lain bayaran dan caj-caj yang berkaitan dengan OBC-i, anda boleh merujuk kepada Fi Dan Caj yang berkenaan pada laman sesawang bank di <https://www.hlisb.com.my/>.

6. Apakah masa terakhir untuk melihat OBC-i?

Penerangan	Masa Akhir
Pengeluaran OBC-i	2 petang
Pembayaran OBC-i (RENTAS)	12 petang
Pembayaran OBC-i (Bukan-RENTAS) (Pembayaran mata wang asing tertakluk kepada masa terakhir untuk setiap mata wang. Sila rujuk kepada Pusat Perkhidmatan Perdagangan untuk maklumat lanjut tentang masa terakhir bagi setiap mata wang)	2 petang

7. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Apabila menerima dana daripada Bank Pemungut, pihak Bank berhak atas budi bicaranya untuk menukar amaun yang diterima dalam mata wang asing kepada Ringgit Malaysia dan Pelanggan bersetuju dengan penukaran pada kadar pertukaran semasa pada hari penukaran yang disediakan oleh Bank sebelum mengirimbkannya kepada anda.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan maklumat dalam butiran peribadi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan / pusat perniagaan kami di seluruh negara atau memberitahu kami secara bertulis kepada:

Hong Leong Islamic Bank Berhad, Commercial and SME Banking

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong,
No. 6, Jalan Damanlela,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

E-mel : sme@hlib.hongleong.com.my

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Islamic Bank Berhad, Commercial and SME Banking,

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
No.Telefon : +603-7661 7777
E-mel : sme@hlbb.hongleong.com.my
Laman : www.hlisb.com.my
Sesawang

- Sebagai alternatif, anda boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK),
Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce
11 Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
No Telefon : 03-2616-7766
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman : <https://www.akpk.org.my/>
Sesawang

- Sekiranya anda mempunyai aduan, sila hubungi cawangan terdekat, pusat perniagaan atau pengurus perhubungan akaun anda atau kami di:

Hong Leong Islamic Bank Berhad, Commercial and SME Banking
Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
No.Telefon : +603-7661 7777
E-mel : sme@hlbb.hongleong.com.my
Laman : www.hlisb.com.my
Sesawang

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK
Alamat : Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
No. Telefon : +603-2081 8888
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmteletelink@bnm.gov.my
Laman : www.ofs.org.my
Sesawang

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Hong Leong OBC-i, sila kunjungi mana-mana pusat perniagaan kami di seluruh negara atau anda boleh melayari laman sesawang kami di www.hlisb.com.my atau laman sesawang www.bankinginfo.com.my

11. Perkhidmatan Perdagangan Perniagaan-i yang juga ditawarkan

- Surat Kredit-i
- Resit Amanah-i
- Bil Boleh Terima-i Belian
- Bil Boleh Terima-i Jualan
- Jaminan Bank-i
- Jaminan Penghantaran-i
- Pembiayaan Invois-i
- Perkhidmatan Pungutan-i

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada Oktober 2020